

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**  
**TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan JKR sebagai pihak yang menjaga kerja-kerja penambakan dalam Sungai Terengganu di kawasan Shah Bandar Kuala Terengganu, apa sebabnya dan apa tindakan JKR untuk mengatasi masalah-masalah kecetekan sungai di kawasan projek yang dialami nelayan dan pengusaha bot tempatan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menambak muara Sungai Terengganu ialah projek di bawah Kerajaan Negeri Terengganu yang dilaksanakan oleh JKR Negeri Terengganu.

Kementerian ini dimaklumkan bahawa projek tambakan sungai Terengganu itu adalah fasa kedua bagi projek pembangunan semula Pasar Besar Kedai Payang dan blok Pesisir Air yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Skop projek ini termasuklah membina jalan susur di kawasan Shah Bandar, Kuala Terengganu yang bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di sekitar Pasar Besar Kedai Payang. Projek fasa 2 ini telah dimulakan pada bulan Disember 2012 dan dijangka siap pada bulan Disember 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penambakan sungai Terengganu itu tidak menimbulkan masalah kecetekan sungai di kawasan laluan utama (navigation channel). Ini kerana tebing sementara akan dibina di kawasan tambakan semasa projek ini sedang dalam peringkat pembinaan. Manakala tebing kekal pula akan dibina dengan kaedah 'reinforced earth wall' bagi mengelakkan berlaku hakisan di kawasan berkenaan. Di samping itu, jeti pengusaha bot tempatan juga akan dipindahkan ke kawasan sementara yang bersesuaian sebelum jeti kekal yang lebih selesa dibina berhampiran kawasan Pasar Besar Kedai Payang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu sebagai pemilik projek dan JKR Negeri Terengganu sebagai agensi pelaksana projek sentiasa mengadakan 'engagement' dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Ini bagi memastikan isu-isu yang berbangkit berkaitan pelaksanaan projek ini diselesaikan secara baik menerusi proses rundingan.

Sekian. Terima kasih.